

## MAGHRIBI AL-AQSA MENJADI TUMPUAN PERHATIAN DUNIA

Masalah Maghribi al-Aqsa atau Morocco telah menjadi suatu perkara yang hangat semula iaitu apabila tersiar berita bahawa Sultan Marakesh yang bertakhta “D-R, T) itu telah dipaksa oleh Kerajaan Perancis yang menjadi “penaung” bagi kerajaan Maghribi al-Aqsa itu mengharamkan adanya pertubuhan Istiqlal yang diasaskan oleh rakyat jelata menuntut kemerdekaan tanah airnya dengan cara undang-undang yang halal di perwakilan bangsa-bangsa.

Kerajaan Perancis cuba menafikan berita-berita itu dan sungguhpun demikian tetapi bantahan-bantahan hebat dari negara-negara Islam terutamanya Mesir telah bergema di dalam mana tidak ketinggalan bantahan-bantahan itu datang dari Indonesia, Pakistan dan juga negara-negara yang bukan Islam oleh kerana perbuatan yang tidak diharamkan oleh kerajaan Perancis atas suatu umat yang menuntut kemerdekaan.

Di mana-mana tempat pada masa ini gerak tuntutan kemerdekaan yang sentiasa ditindas oleh penjajah itu telah dirasa tidak sekali-kali adil terutamanya oleh mereka yang duduk di dalam pemerintahan Perancis yang terkenal kepada orang-orang Islam sebagai suatu penjajah yang menindas umat yang dijajahnya dengan suatu pentadbiran yang akan menghapuskan bangsa itu lebur termasuk ke dalam bangsanya sendiri.

Kejadian-kejadian yang berlaku di Jabal al-Daruz di Suria (Syiria?) dan di lain-lain daerah Perancis tidak akan dapat dilupakan oleh tawarikh dan yang demikian itu bertambah-tambah hibanya di dalam jajahan Itali di Tripoli di dalam mana kezaliman-kezaliman dan aniaya telah dilakukan kepada umat itu dari semasa ke semasa dengan berbagai-bagai cara dan setengah-setengahnya dengan perbuatan dan kekerasan yang luar biasa.

Tawarikh Morocco dalam penjajahan itu adalah suatu tawarikh yang lama. Setelah orang-orang Islam keluar dari Spain pada tahun 1492 maka dari semasa ke semasa mereka itu berkuat di dalam tanah itu. Pada tahun 1577 kerajaan Perancis dan British kedua-duanya telah mendapat kuasa perwakilan di dalam negeri itu tetapi kemudiannya Tangier telah diduduki oleh kerajaan Inggeris pada tahun 1662-84, Kerajaan Perancis masuk ke dalam negeri itu terbit daripada persidangan di Madrid tahun 1880 di dalam mana ia menuntut hak tanah dan hak orang-orang luar negeri di sana dan kemajuan Perancis di al-Jiriat telah menjadikan pertapakannya yang kuat berkenaan dengan masalah

Morocco dan pada tahun 1904 Kerajaan British telah mendapat persetujuan tidak ada campuran Perancis di dalam Mesir dan ia memberikan pula supaya Perancis bisa di dalam Morocco sebagai balasannya.

Orang-orang Spain hilang ketakutannya bagi mendirikan daerahnya di Morocco dengan campuran Germany pada tahun 1905 dengan persetujuan Sultan iaitu dengan cadangan Perancis yang demikian itu membawa persidangan pada tahun 1911 Perancis dan Spain telah sibuk mengatur ketenteraan



*Pasukan tentera Morocco yang masyhur terutamanya dalam barisannya berkuda dan adalah menjadi tiang kekuatannya jika dilatih dengan kuat.*



*Sultan Muhammad yang kelima bagi Morocco yang dipaksa menandatangani maklumat mengharamkan Pertubuhan Istiqlal Morocco.*



*Jeneral Juan Pesuruhjaya Perancis, bagi Morocco yang bertanggung dalam kejadian mengharamkan pertubuhan Istiqlal itu.*

di dalam mana ada persiapan-persiapan Germany di Selatan dan kemudiannya kapal perang Germany "Fenzir" telah ada di Kadir yang menimbulkan suatu kegentingan yang daripadanya dijadikan sebab oleh kerajaan Perancis yang ia mempunyai hak mengawal Morocco daripada ugutan jajahan Germany di Cameron.

Pada masa itu daerah kesultanan Morocco ialah suatu daerah yang merdeka dan berperintahan sendiri tetapi pada tahun 1912 sultan telah menerima naungan Perancis dan pada tahun itu juga dengan Perjanjian Perancis - Spain daerah yang terletak di dalam daerahnya itu dibahagi kepada tiga bahagian dengan berlainan pertadbirannya. Tangier dan daerah-daerahnya yang melingkungi 140 batu persegi berpenduduk 60,000 orang dijadikan daerah khas, di pantai utara menjadi daerah Spain mengandungi lebih kurang 11000 batu persegi berpenduduk 50,000 orang dan yang lainnya menjadi daerah sultan pada namanya dikawal oleh Residen Jeneral Perancis.

Pada tahun 1923 Perancis dan Spain menghadapi suatu bangkitan. Kebangkitan itu semakin hebat sehingga akhirnya pada tahun 1924 orang-orang Spain telah terpaksa memberhentikan perjuangannya bertempur dengan tentera Amir Abdul Karim Al-Khatabi singa Morocco yang terkenal itu di sebelah barat Morocco. Askar Amir Abdul Karim al-Khatabi setelah dapat menjatuhkan Tentera Amir Abdul Karim al-Khatabi setelah dapat menjatuhkan tentera Spain yang undur ke pantai-pantai itu pada bulan Mei 1925 telah menghadapkan tenteranya kepada pasukan Perancis dipertengahan Morocco tetapi tak berjaya. Yang demikian ini menjadikan

askar-askar Perancis dan Spain bersatu dan setelah setahun perjuangan yang hebat pada pertengahan 1926 tentera Amir Abdul Karim telah menyerah diri dan setelah inilah maka kedudukan negeri itu telah terletak dalam genggamannya kedua-dua kerajaan yang tersebut.

Semenjak itu maka Kerajaan Perancis telah menjalankan kerajaan itu dengan dikelolakan oleh Residen jeneral dan mereka telah mengadakan undang-undang mengikut undang-undangnya. dari semasa ke semasa dasar-dasar pelajaran di sana dirancangan menghapuskan kebudayaan dan adat serta agama penduduk-penduduk itu dan pada setengah-setengah tempat diharamkan mempelajari bahasa Arab atau bahasa anak negeri bahkan yang menjadi pelajaran yang utama di sana ialah bahasa Perancis.

Apabila tamat peperangan dunia yang kedua ini maka keinsafan penduduk-penduduk negeri-negeri di utara Afrika yang telah hancur lebur menjadi medan-medan perjuangan itu terutamanya dengan pendudukan tentera pihak berikat di sana telah menjadikan tempat-tempat itu suatu daerah yang mustahak di sebalik itu hidup pula sebagaimana keadaan-keadaan di lain tempat keinsafan melepaskan pendudukan-pendudukan kuasa-kuasa penjajahan itu yang bekerja dari semasa ke semasa dengan dasar-dasar yang tertentu, menghapuskan bangsa-bangsa asal di daerah-daerah itu menjadi suatu bangsa campuran dengan bangsa mereka yang dibawa dengan baiknya di dalam daerah itu.

Di dalam masa itulah timbul keinsafan penduduk dan muncullah pertubuhan Istiqlal (kemerdekaan) di Morocco yang bersatu dengan pertubuhan kemerdekaan negara-negara utara Afrika yang diketuai oleh Amir Abdul Karim al-Khatabi yang sekarang ini ada di Kaherah.

Perjuangan-perjuangan menuntut kemerdekaan itu telah berjalan beberapa lamanya sehingga mereka ada mempunyai perwakilan di dalam Majlis Bangsa-bangsa Bersatu. Pertubuhan inilah sekarang yang bekerja berhabis-habisan menuntut hak-hak mereka dan barangkali oleh kerana takut hilang kekuasaannya di situ pihak Perancis dikatakan telah memaksa Sultan Marakesh menandatangani suatu perisytiharan mengharamkan pertubuhan itu sehingga dunia Islam umumnya gempar dan bantahan-bantahan



*Inilah pemandangan di dalam Bandar Rabath yang cantik di dalam Maghribi al-Aqsa (Morocco).*

yang keras telah dilakukan ke atas perbuatan-perbuatan itu.

Perkara Maghribi Al-Aqsa ini sebenarnya telah menjadi agenda di dalam muktamar Al-Alam Al-Islami dan di sini akan zahir dengan nyatanya sebagai ujian yang pertama sampai di manakah ukhwh Islamiah itu akan dapat didirikan di Mesir dan beberapa tempat negeri Arab suara-suara telah timbul menuntut supaya Abdul Rahman Azam Basya Setiausaha Kesatuan Negara-negara Arab mengadakan volunteer-volunteer yang akan dihantar berjuang menuntut hak-hak saudaranya di Maghribi Al-Aqsa yang sedang menerima kezaliman-kezaliman yang hebat dari satu ke suatu masa itu.

-----\*-----\*-----

Di bawah ini diperturunkan tulisan Doktor "Tahir Al-Khamiri di bawah tajuk - "Morocco dan Kebudayaannya Pada Masa Yang akan Datang"

Kemajuan kebudayaan bagi sesebuah negara adalah mempunyai perhubungan yang erat di antara zamannya yang silam dan kemaraannya pada masa yang di sekarang ini. Banyak keadaan-keadaan bersejarah yang telah menjadikan negara Morocco mempunyai kedudukan yang tersendiri dan menjadikan kebudayaannya bersedia menempuh zamannya yang cemerlang pada masa yang akan datang kelak.

Morocco telah dibuka oleh orang-orang Arab pada permulaan Kerajaan 'Bani Umaiyyah'. Semenjak itu penduduknya telah menerima Islam dan bahasa Arab. Pada permulaan kerajaan 'Abasiyyah' Morocco telah mencapai kemerekaan dengan sepenuhnya, segala kekusutan siasat dan perbalahan agama yang telah berlaku di alam Islami tidak menyentuh dan tidak mendatangkan kesan kepadanya.

Di dalam kurun yang kelima (hijrah) orang-orang Morocco (Maghribi) telah berjaya mengalahkan kerajaan Islam kecil yang bertaburan di tanah Andalus (Spain) lalu mereka menjadikan negara itu terletak di bawah kekuasaan sultan-sultan mereka, dan semenjak itu orang-orang Sepanyol telah berpindah ke Morocco dan orang-orang Morocco (Maghribi) telah berpindah ke Spain, maka telah terbentuklah di Morocco kebudayaan Islam yang bercorak kebudayaan Islam Sepanyol yang masih ada kesannya hingga ke hari ini, iaitu boleh dilihat pada bentuk rumah-rumahannya, ukiran-ukiran rumahannya, jenis-jenis makanannya (masakan-masakannya), nyanyian-nyanyiannya, dan kata-kata yang digunakan dalam bahasa basahannya.

Pada zaman Turki iaitu pada ketika seluruh dunia Arab dan Afrika Utara terletak di dalam empayar Uthmaniyyah maka

negara Morocco adalah kekal merdeka dengan sepenuhnya. Segala kejadian ini akan membentuk kebudayaannya pada masa yang akan datang dengan bentuk yang tersendiri dan mencorakkannya dengan corak yang tersendiri.

Pelajaran-pelajaran tinggi di Morocco pada hari ini ialah pendorong kepada segala jenis pekerjaan biasa dan ialah juga yang menjadikan pelajar-pelajar itu tidak hanya menyerbu kepada jawatan-jawatan kerajaan. Sebuah akhbar keluaran Morocco baharu-baharu ini menyiarkan nama pelajar-pelajar yang telah lulus dari sekolah tinggi di negeri Perancis di dalam bahagian perubatan, undang-undang, sejarah, falsafah, perniagaan, ilmu lombong-lombong, ilmu ukur, tontonan dan sinema. Di Mesir pada hari ini ada sebilangan besar penuntut-penuntut Morocco yang menuntut di Al-Azhar dan sekolah tinggi Fuad al-Awal.

Kiranya tuan daripada golongan yang berpendapatan bahawa tenaga iktisad ialah salah satu pendorong kepada mengarahkan kebudayaan maka kebolehan negara Morocco dari segi ini amatlah banyak. Morocco dihitung panjang ialah sebuah negara pertanian, tetapi banyak mengandungi hutan-hutan besar dan air bagi menjalankan tenaga elektrik, pendeknya Morocco boleh dijadikan negara moden di dalam masa yang pendek sahaja.

Kiranya tuan daripada golongan yang mengutamakan tengara anak Adam dan kehandalan lelaki maka bahawasanya anak-anak Morocco tidak ada kurangnya dalam lapangan ini, mereka mempunyai cita-cita yang kuat pada pencapaian kemajuan, dan mempunyai persediaan untuk belajar dan tahan sabar dalam segala jenis pekerjaan. Sifat-sifat yang tersebut ialah syarat yang utama bagi kejayaan.

Sekiranya pula tuan daripada orang-orang yang tidak mengutamakan kejadian-kejadian ini yang telah lalu dan hanya mengutamakan keadaan yang berlaku sekarang ini, maka biarkanlah saya menceritakan apa yang telah saya saksikan sendiri dalam lawatan saya ke Morocco baharu-baharu ini. Saya lihat sekolah-sekolah rakyat yang bercorak lama telah bertukar kepada sekolah-sekolah permulaan yang moden, rumah tempat tinggal beberapa keluarga telah bertukar menjadi sekolah-sekolah, perawan-perawan menjadi guru di samping anak-anak muda. Parti-parti politik berlumba-lumba mendirikan sekolah-sekolah rendah dan menengah dan berlumba-lumba

menghapuskan buta huruf, dan pasukan-pasukan sukarela mengumpulkan derma dari saudagar-saudagar kecil dan ahli-ahli pertukangan kerana membekalkan sekolah-sekolah rakyat. Saya juga telah melihat hartawan-hartawan menderma dengan ratusan ribu "Franc" (mata wang Perancis) kerana membantu sekolah rakyat yang tersebut.

Saya telah menyaksikan pelajaran diajar di sebuah sekolah baharu pada tingkat bawah, sedang tingkatnya yang kedua masih dikerjakan oleh tukang-tukang. Taman-taman bacaan am boleh didapati di mana-mana. Seperti di bandar-bandar, "Fas", "Al-Ribath", dan Marakesh, dan lain-lain lagi taman perpustakaan (kutubkhanah-kutubkhanah) yang khas yang tiap-tiap satu mengandungi perbendaharaan persuratan yang berharga dan payah didapati.

Di samping surat khabar "al-Saadah" yang menjadi lidah rasmi kerajaan, boleh didapati akhbar harian dan mingguan keluaran bandar, "al-Ribath".

Tetapi sekiranya tuan daripada orang-orang yang memandang bahawa penganjur-penganjur dan orang-orang yang ternama itu ialah yang menjadi pelopor kebudayaan dan pembentuk sejarah, maka memadamkan rasanya kalau disebut bahawa Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Yang Kelima, Raja Morocco (Al—Maghribi al-Aqsa) akan menjadi Sebagai bukti yang terang nyata. Bagindalah yang menjadi tenaga yang berpengaruh bagi mengarahkan pelajaran dan menghidupkan kebudayaan dengan amal usaha yang bersungguh2. Baginda sentiasa menderma daripada hartanya yang khas dan daripada harta-harta wakaf kerana mendirikan sekolah dan mengambangkan pelajaran, serta diajaknya hartawan-hartawan Morocco bersekutu menjayakan usaha Yang Mulia itu. Baginda juga tidak sunyi daripada menggalak penyeru-penyeru islah (perubahan yang membina) baik yang mengenai lapangan agama, atau masyarakat, ataupun iktisad.

Daripada keterangan-keterangan yang tersebut nyatalah bahawa kebudayaan Morocco sedang berjalan pada hari ini dengan langkah-langkah yang tetap dan tujuan yang sempurna manaka keadaan iktisadnya akan sentiasa membantu kemaraannya, dan pusaka kebudayaannya menjadikan negara itu memelihara sifatnya sebagai sebuah negara yang mempunyai coraknya yang tersendiri iaitu kebudayaan yang bukan timur dan bukan barat tetapi kebudayaan Islam!